



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
USTAZ ROSLI CHE SOH
IMAM TUA MASJID MUHAMMADI**

OLEH:

**MOHAMAD IMRAN BIN ANUAR 2017949277
MUHAMMAD SYAFIQ AZMI BIN NOORSAIDI @ SUHAILI 2017161751**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (FEB 2019 – JULY 2019)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
USTAZ ROSLI CHE SOH
IMAM TUA MASJID MUHAMMADI

OLEH:

MOHAMAD IMRAN BIN ANUAR 2017949277
MUHAMMAD SYAFIQ AZMI BIN NOORSAIDI @ SUHAILI 2017161751

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (FEB 2019 – JULY 2019)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum Warhmatullahiwabarakatuh. Alhamdulillah, terlebih dahulu kami ingin panjatkan rasa penuh kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya kami dapat menyempurnakan tugas yang diberi iaitu Projek Sejarah Lisan dengan jayanya. Kami tidak dapat menafikan bahawa pelbagai kekangan yang terpaksa kami hadapi sebelum dan selepas selesai temubual bersama tokoh, namun dengan berkat dan kesabaran dan pertolonganNya kami dapat mengatasi masalah yang dihadapi dan dapat menyiapkan tugas yang diberi.

Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah kami untuk subjeck Documentation (IMR604), iaitu Puan Nurulanissa Binti Abdullah yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan mencurahkan segala ilmu yang beliau miliki kepada kami dalam menyiapkan tugas yang diberi, tanpa beliau kami tidak dapat menyempurnakan tugas yang diberi dengan sepenuhnya .

Selain itu, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ustaz Rosli bin Che Soh, Imam Tua Masjid Muhammadi Kota Bharu dan setinggi-tinggi terima kasih kami ucapkan atas kerjasama beliau dalam perkongsian ilmu dan maklumat bersejarah tentang Masjid Muhammadi Kota Bharu.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa serta rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu dan memberi tunjuk ajar serta dorongan sepanjang proses menghasilkan projek transkrip temubual ini.

Sekian, terima kasih

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Temubula ini adalah dianatara kami dengan Ustaz Rosli bin Che Soh iaitu Imam Tua Masjid Muhammadi, Kota Bharu Kelantan. Wawancara ini dijalankan di pejabat imam di Masjid Muhammadi. Sesi wawancara ini dijalankan pada tarikh 28 April 2019 pada jam 1.00 tengah hari sehingga jam 5.00 petang. Temubual ini berkisahkan tentang sejarah tentang bangunan iaitu Masjid Muhammadi disamping mengenal latar belakang Ustaz Rosli Che Soh. Temuramah ini telah memberikan banyak maklumat berkaitan dengan Masjid Muhammadi Kota Bharu iaitu sejarah masjid tersebut. Sejarah telah diceritakan oleh beliau dari awal pembukaan sehingga hari ini.*

Kata kunci: *Masjid Muhammadi, Ustaz Rosli Che Soh, Imam Tua*

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Abstrak.....	ii
Isi kandungan.....	iii
Biodata Tokoh.....	iv
Pengenalan.....	v
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Imam.....	01
Bahagian 2: Sejarah Pendidikan.....	11
Bahagian 3: Pengalaman Kerjaya.....	13
Bahagian 4: Sejarah Bangunan.....	19
Bahagian 5: Maklumat Bangunan.....	26
Bahagian 6: Reka Bentuk bangunan.....	33
Bahagian 7: Aktiviti Perkhidmatan.....	34
Bahagian 8: Maklumat Anugerah Dan Kejayaan.....	37
Bahagian 9: Pesanan Dan Harapan.....	37
Penutup.....	38
Rujukan.....	39
Lampiran	
Gambar.....	40
Log Wawancara.....	41
Diari Kajian.....	46
Senarai soalan.....	47
Surat Perjanjian.....	53
Indeks.....	54

**BIODATA
TOKOH**

BIODATA TOKOH



Nama : Ustaz Rosli bin Che Soh

Tarikh Lahir : 26 November 1970

Tempat Lahir : Jenderak, Pahang

Nama Isteri : Zaiton binti Mohamad Khor

Bilangan Anak : 3 Orang

Sejarah Pendidikan :

- UPSR - Sekolah Kebangsaan Padang Pohon Tanjung
- SPM - Sekolah Menengah Kebangsaan Kampung Laut
- STPM - Sekolah Menengah Kebangsaan Mahmud Mahyiduin
- PONDOK - Al-Madrasah Addiniyah Al-Bakriyah

Diploma dan Ijazah - Universiti Al-Azhar Cawangan Iskandariah

NO. TELEFON : 013-9831786

PENGENALAN

PENGENALAN

Tempat bersejarah yang dipilih untuk ditemubual ialah Masjid Muhammadi Kota Bharu, orang di temubual ialah Ustaz Rosli bin Che Soh, iaitu merupakan Imam Tua di Masjid Muhammadi Kota Bharu Kelantan. Kami memilih Masjid Muhammadi Kota Bharu kerana ingin mengetahui lebih mendalam mengenai sejarah penubuhan dan sejarah bangunan Masjid Muhammadi Kota Bharu. Di samping itu, Masjid Muhammadi adalah masjid yang keagungan Negeri Kelantan kerana Masjid Muhammadi adalah masjid negeri. Beliau telah menjadi Imam Tua di Masjid Muhammadi Kota Bharu selama 9 tahun. Dan beliau mempunyai latar belakang yang cermerlang dalam pengajian. Beliau pernah belajar di Mesir. beliau pernah menjadi lepasan dari yayasan Islam Kelantan dan pernah mengajar di Sekolah Menengah Ugama Arab Ugama Al-Ansariah, Kemahang.

Beliau dilahirkan di Jenderak Pahang pada 26 November 1970 dan ini bermakna umur beliau telah mencapai 49 tahun pada tahun 2019. Beliau juga adalah seorang yang berakademik iaitu mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia, Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia, dan juga ijazah di universiti Al -Azhar Cawangan Iskandariah di Mesir.

Beliau menjadi Imam Tua Masjid Muhammmadi melalui pengisian borang kepada Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK). Oleh kerana dia telah berkhidmat sebagai imam tua sembilan tahun, beliau berpengetahuan untuk menceritakan dan memberikan penerangan tentang sejarah Muhammad, Kota Bharu. Temubual telah dilakukan berdasarkan soalan yang telah di senaraikan untuk beliau. Beliau telah memberikan banyak maklumat tentang Masjid Muhammad.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

PENDAHULUAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan oleh seorang tokoh mengenai latar belakang dan sejarah **Masjid Muhammadi, Kota Bharu Kelantan.**

Bersama-sama kami ialah **USTAZ ROSLI CHE SOH** yang memegang jawatan Imam Tua di Masjid Muhammadi, Kota Bharu, Kelantan.

Rakaman ini dijalankan pada tarikh 28 April 2019 bersamaan dengan hari Ahad pada pukul 10 pagi bertempat di Masjid Muhammadi, Kota Bharu Kelantan.

Temubual ini dikendalikan oleh **Mohamad Imran Bin Anuar** dan juga **Muhammad Syafiq Azmi Bin Noorsaidi@Suhaili**. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.

PETUNJUK

UR : Ustaz Rosli Che Soh

MI : Mohamad Imran bin Anuar

SA: Muhammad Syafiq Azmi Bin Noorsaidi@Suhaili

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG IMAM

MI : Untuk memulakan perbualan kita, boleh saya tau apa nama penuh Imam, nama pendek imam, dan juga gelaran imam?

UR : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh alhamdulillah rabbi alamin Washolatu wasalamu ala asyrafil anbiya' wal mursalin waalalahihi wasahbihiajmain. Terima kasih diucapkan kepada adik pelajar daripada, mana? UMK [Universiti Malaysia Kelantan]? *UiTM dok?* [Universiti Teknologi Marakah]? *UiTM Machey* [Universiti Teknologi Mara, Machang], *juruse gapo* [jurusan apa] ? Pengurusan Sistem Maklumat. Nama saya Rosli bin Che Soh. Imam Tua Masjid Muhammadi Kota Bharu, itulah nama *sayanyo* [saya]. *Namo mok ayah sayo bagi sayo Rosli lah, limo huruf sajo* [Nama ibu ayah saya bagi saya Rosli, lima huruf sahaja]. R-O-S-L-I, Rosli, *ore* [orang] panggil *mache-mache* [macam-macam], *cumo takdo ore panggil "Ros"--, "Li" tu ado lah* [Cuma tidak ada orang panggil "Ros", "Li" itu ada]. *Saem-saem hok rapat-rapat, keluargo gak panggil "Li" lah, namo sayo* [Kawan-kawan yang rapat, keluarga juga, panggil "Li" nama saya]. *Kalu ore-ore situ gak* [Kalau orang sini juga],-- *panggil tok ime* [dipanggil Tok Imam], -- *ataupung ustak* [ataupun ustaz] . Tapi ramai *gak tok ime la kalu anak mukim kito gapo, meme kito panggil tok ime* [kalau anak mukim kita, memang kita panggil Tok Imam]. *Kalu kapung sayo dio panggil tok ime "Seli"* [Kalau orang kampung saya, dia panggil "Tok Imam Seli"]. *Tu ore kapung tu, ore kapung kito* [Itu orang kampung, orang kampung saya]. *Sebak sayo jadi tok ime kapung dulu ore*

panggil “Tok Ime Seli” [Sebab saya jadi Tok Imam kampung dahulu orang panggil “Tok Imam Seli”]. Kalau sini ore panggil “Tok Ime Li”, ore bandar key [Kalau disini orang panggil “Tok Imam Li”, orang bandar kan]. Tok ime tua ataupun “Tok Ime LI ” [Tok Imam Tua atau Tok Imam Li] . Itulah berkait dengan namo [nama].

MI : Boleh Imam kongsikan asal usul diri Imam seperti tempat lahir dan tarikh lahir?

UR : Saya dilahirkan pada 26 haribulan November tahun 1970, disatu kampung namanya kampung, kalau mengikut surat beranak saya *tu* [itu] Jenderak, --satu mukim dalam daerah Temerloh, Pahang. Datuk saya namanya Abdullah bin Ris, bersama dengan nenek orang panggil merantau ambil *tanoh* [tanah] di, di mukim Jenderak *lah*. *Namo kapung tok sayo tu namo kapung* Baru [nama kampung saya datuk saya itu bernama Kampung Baru] , kapung [kampung] baru Gong, dan situ dio [dia] ado [ada] satu stesen keratapi yang mewakili mukim situ. Dia panggil, *jale* keratapi *tu* [jalan kereta api], ada stesen keretapi namanya Jenderak. Bila saya lahir disana, tempat lahir saya ditulis dalam surat beranak, dilahirkan di Jenderak, Pahang, Darul Makmur. Itulah, gapo lagi nok tanyo soalan, tok ingat [Itulah, apa lagi hendak tanya, tidak ingat]. Tarikh lahir dok [kan]? Jadi tempat dilahirkan sayanya [saya] di Jenderak, Pahang. Cuma tok nenek, datuk dan nenek *sayonyo* [saya] asalnya *ore kelate la* [orang Kelantan la]. Kemudian saya balik ke kelate [Kelantan], duduk di *kelate* [Kelantan] *lah*, *kapung sayo* [kampung saya] di kapung [kampung] Paluh Palekbang, jajahan Tumpat. Loni [sekarang ini] pun, setelah saya kawin pun, saya tetap duduk di *kapung mok sayo tu* [kampung mak saya itu], iaitu di *Kapung* [Kampung] Paloh

Palekbang, *dale* [dalam] jajahan Tumpat. Pindah *Kelate* [Kelantan] *sayo* [saya], *sayo* [saya] tidak ingatlah *mano* [mana] cuma saya ingatnya saya pindah tu *mek sayo* [nenek] balik tinggal tok *sayo* di *Pehe* [Pahang], *mek sayo* balik duduk di rumah tok nye ketiko tu nyo, *sayo* ingat cuma saya raso, tahun *dale*, lebih kure tahun 74, sebab pok sepupu *sayo* tu beranak dalam *tahun tujuh puluh empat* [1974] tu saya ingat, diantara *tahun tujuh puluh* [1970] hingga *tujuh puluh empat* [1974] *tulah* [itulah], cuma saya ingat saya naik *keretapi* [kereta api]--ingat balik--naik kereta api tu, ingat naik kereta api, *pastu* [selepas itu] duduk umah nenek, *umoh tok nye sayo* [rumah moyang saya] tu di Kampung Paloh Palekbang sehinggalah *harini* [hari ini].

MI : Dimana Imam membesar?

UR : Saya membesar di Kampung Paloh Palekbang--, jajahan Tumpat. Saya tinggal di Paloh, balik daripada Pahang tadi duduk situ sehinggalah saya bersekolah pun di Sekolah Kebangsaan Padang Pohon Tanjung, dekat kampung saya Pasir Pekan. Kemudian pada *tahun tujuh puluh sembilan* [1979] ibu saya meninggal dunia, dan saya tetap terus duduk di Kampung Paloh, belajar di sekolah menengah pun, duduk di Paloh tu *jugok* [juga], daripada saya sekolah tu dari sekolah menengah kebangsaan, saya tak sekolah, saya tak belajar di sekolah arab, sekolah menengah kebangsaan biasa *jah* [sahaja], daripada tingkatan satu hingga tingkatan enam. Selepas saya STPM baru saya duduk pondok Pasir Tumboh, walaupun pondok Pasi Tumboh, saya balik *sokmo* [sentiasa] *kapung* [kampung] saya di kampung Paloh Palekbang. Kemudian, saya tinggal kampung setelah saya *gi* [pergi] belajar di Maahad Ali Liddirasah Wal Arabiah ataupun 'MADIWA' di Perak dan seterusnya saya sambung pengajian saya di Universiti

Al-azhar Mesir. *Pahtu* [selepas itu] balik duduk *semeta* [sementara] di *kapung* [kampung] mertua di Tanah Merah, Kampung Tun Che Dung Tanah Merah. Kemudian saya duduk kembali di kampung saya, dan duduk *semeta* [sementara] di --, menyewa di Kok Lanas, *tu* [itu] pun duduk *semeta* [sementara] kerana isteri saya mengajar di SK Kok Lanas, kemudian saya buat rumah gapo [apa], kembali duduk di Kampung Paloh sehingga lah *harini* [hari ini].

MI : Siapakah Ibu Bapa Imam?

UR : Ibu bapa saya, ayah saya bernama Che Soh bin Chiek, --, C-H-I-E-K, Che Soh C-H-E S-O-H, Che Soh bin Chiek, ibu saya nama Esah binti Abdullah.

MI : Boleh Imam ceritakan asal usul ibu bapa Imam, adakah mereka darah melayu dan anak jati negeri Kelantan?

UR : Ayah saya Che Soh bin Chiek berasal dari Kampung Kedai Ahad Gunung Bachok Kelantan. Jadi *tok* [datuk] saya orang gunung lah, gunung-gunung, kenal gunung? *Mok* [Ibu] saya berasal dari Kampung Paloh Palekbang Jajahan Tumpat. Datuk saya, datuk lelaki, datuk ayah kepada ibu saya berasal daripada Kampung Padang Rokma Wakaf Baru, dan datuk saya dan nenek saya *aluk* [belah] ibu *ni* [ini] dia *amik tanah tu gi buko tanah* [ambil tanah itu pergi buka tanah] ambil tanah di Pahang, di Jenderak *tuh* [itu]. Dan keluarga *aluk* [belah] ayah saya *ni* [ini] di Kedai Ahad,-- Bachok. Mengikut ayah saya nama ayah saya ni Che Soh bin Che Din Hassan bin Sulong. Hassan *ni* [ini] berasal dari Kampung Banir Belikung, Pasir Putih. Hassan ayah kepada *tuk* [datuk] saya, moyang saya *tu* [itu] orang Banir Belikung. Biasa dengar nama Banir Belikung?

Belum dengar deh? Kampung Banir Belikung di Pasir Putih. Kemudian, dia kawin dengan moyang saya yang perempuan di,-- Bachok, di Gunung Jajahan Bachok. *Maknonya* [maknanya] *keseluruhannyo* [keseluruhannya] saya ni adalah *ore Kelate* [orang Kelantan] lah, kerana *tok* [datuk] nenek saya *ayoh sayo ore kelate jugok* [ayah sata orang Kelantan juga]. *Cumo* [Cuma] ambil *tanoh* [tanah] *sajo* [sahaja] di *Pehe* [Pahang], duduk *sano* [sana]. Dan nenek saya, *tok* [datuk] saya *hok perempue sebelah perempue tu* [yang sebelah perempuan], meninggal di *sano* [sana]. *Tanoh* [tanah] kubur di *Pehe* [Pahang] lah.

MI : Berapakah adik beradik Imam dalam keluarga?

UR : Adik beradik saya berjumlah *tiga belas* [13] orang semua. *Tiga belas* [13] *ore tu* [orang itu] yang seibu seapak saya *sore sajo* [seorang sahaja]. Kemudian *sebelas* [11] *ore* [orang] mempunyai 'bin' yang sama, tapi berlainan ibu. *sebelas* [11] *ore* [orang] 'bin' *samo* [sama], *samo* [sama] dengan *sayo* [saya] Rosli bin Che Soh, *ore* [orang] lain *tu ho* [itu] Muhamad Bakri bin Che Soh, Mohamad Zain bin Che Soh, Che Soh *belako* [semua], *sebelas* [11] *ore* [orang]. Dua *ore* [orang] lagi adik bradik saya mempunyai ibu yang sama dengan saya, ada dua *ore* [orang] lagi adik saya, *ayoh* [ayah] lain tapi ibu *samo* [sama]. Jadi campur semua *tiga belas* [13] *ore* [orang].

MI : Imam anak yang ke- berapa dalam keluarga?

UR : *Sayo* [saya] *kalu* [kalau] sebelah bapak anak ketiga, kalau sebelah bapak. *Mugo* [sebab] sebelah bapak saya ada sebelas adik beradik. Sebelah bapak tiga, sebelah ibu anak pertama, anak sulung. Ibu *samo* [sama] ni *tigo* [3] *ore* [orang].

MI : Siapakah Isteri Imam?

UR : Isteri saya bernama Zaiton binti Mohamad Khori. --. Itu *sajo* [saja].

MI : Boleh iman ceritakan asal usul isteri Imam?

UR : Isteri saya berasal dari Kampung Tun Che Dun, Tanah Merah, --, Daerah Ipoh, apa ni Daerah Ulu Kusiam, Jajahan Tanah Merah. Biasa *gi* [pergi]? Lagi?

MI : Berapa lama imam kenal dengan isteri imam?

UR : Daripada kawin *sapa* [sampai] *harini* [hari ini] - *Ko lagu mano* [atau bagaimana]? *Ko nok kenal tu kawin* [Atau hendak kenal itu kawin]? *Kiro2* [kira-kira], *Sayo* [saya] kenal dengan isteri *sayo* [saya] di Mesir malalui kawan saya. Perkenalan kami tak *lamo* [lama] *kali* [agaknyanya] lebih *kure* [kurang] *sebule* [sebulan] *jah* [sahaja], kami pun kawin. Kemudian kami kawin pada tahun 2000, 2002 *sapa* [sampai] *harini* [hari ini]. 2002, 1423, 15 Saaban 1423, bersamaan dengan 21 Oktober tahun 2002, perkahwinan kami.

MI : Berapakah cahaya mata imam?

UR : *Sayo* [saya] mempunyai tiga orang *sahajo* [sahaja] *cahayo* [cahaya] *mato* [mata]. Pertama bernama Fathima Azaharak berusia *enam belas* [16] tahun tingkatan *empat* [4] . Yang kedua Aishah Umairah berusia *empat belas* [14] tahun tingkatan *dua* [2]. Yang terakhir Ahamd Muadz. -- berusia *lapan* [8] tahun darjah dua. *Duo perepue* [dua perempuan] satu *laki-laki* [lelaki].

MI : Apa hobi Imam ketika waktu lapang?

UR : *Hobi sayo boleh dikatoke maso lape sayo ni, takdok la mano maso lape sayo* [Hobi saya boleh dikatakan masa lapang saya ini, tiada mana masa lapang saya]. Hari cuti pun *sayo* [saya] *mari* [datang] masjid - *kito jadi tok ime ni ore panggil gitulah maso lape* [kita jadi tok imam ini, orang panggil begitulah masa lapang]. *Sayo kalu maso lape sayo* [saya kalau masa lapang saya] , kalau *sayo* [saya] tidak bekerja, saya suka menziarahi keluarga. Menziarahi keluarga *gi* [pergi] rumah-rumah *anak beranak ko gapo* [anak-beranak ke apa]. *Kito suko gitu* [Kita suka bergitu]. Ataupun *kalu* [kalau] hari cuti *kito suko jale derak* [kita suka jalan-jalan] - *Sayo gi ko Thailand ko, Patani ko, sayo suko lagu tu* [Saya pergi ke Thailand, Petani, saya suka macam itu]- kalau saya *ado* [ada] cuti, ataupun *kito gi ko Indonesia ko* [kita pergi ke Indonesia]. Saya *banyak* [banyak] kalau *ko* [ke] luar negara *sayo suko* [saya suka] Thailand dengan Indonesia sebab dekat, dekat dengan --- *Kalu ado* [kalau ada] cuti. *Pahtu* [selepas itu] dari segi ziarah *anak beradok dok* [anak-beranak kan], walalaupun pekan, kampung *ko* [kah] *belako* [semua] , *aaa gitu* [bergitu]. Dan *sayo* [saya] juga kalau ada masa

lape [lapang] sayo [saya], sayo [saya] suka minum kedai kopi. Sebab rumoh sayo [rumah saya] kalau nak minum air boleh [boleh] minum air, takdo gapo dok [tiada apa], kalu maso [kalau masa] lepas asar ko gapo [apa], sayo gi [saya pergi] kedai kopi disamping kito duk [kita duduk] menikmati kopi, ataupun teh kita dapat berbual bual dengan orang kampung. Dan jugak maso maso free sayo, sayo suko aponamoni Facebook [Dan juga masa-masa lapang saya, saya suka "Facebook"]. Saya buko [buka] Facebook, tengok Facebook kawe-kawe ko gapo, suko jugok lagu tu [kawan-kawan apa, suka juga maca itu]. Tu maso lape dok [Itu masa lapangkah]? Maso kijo tokdey [waktu kerja tidak sempat]. Maso lape kito [Masa lapang kita], kito ore [kami] panggil melayari internet dok [kan], tengok apa ni Facebook, Whatapps, - IG [Instagram], Twitter, sebab sayo ado belako tu, IG tu sayo ado [saya ada semua itu, Instagram saya ada], Twitter pun ado [ada], Facebook pun ado [ada]. Facebook sayo tu [saya itu] lima ribu [5000] kawan, penuh la deh [kan]. Pahtu loni buko page lah [Selepas itu sekarang ini buka laman Facebook]. Ore panggil maso lape la tu deh [Orang panggil masa lapang kan] ? Ko gapo [Atau macam mana] ? Kito nok, nok berkebun tu tokdey mano [Kita hendak berkebun tidak sempat]. Sebab ore [orang] panggil sayo isi maso lape sayo [saya isi masa lapang saya] sesuai dengan,-, dengan tugas sayo [saya]. Misal kito kato [kita kata], lepas kali [kalau] lepas maye [sembahyang] asar habis waktu pejabat saya tengok Facebook meta [sekejap], gapo-gapo ado ore itu ko gapo [apa-apa ada orang itu apa-apa] --- pahtu kalu [selepas itu kalau] boleh update [kemaskini] Facebook sayo [saya]. Sayo update [saya kemaskini] tiap-tiap hari, sayo ado maso lapey sayo update [saya ada masa lapang saya kemaskini] setiap hari. Samo ado [samada] sebab sayo [saya], sayo [saya], jadi admin [pengurus] Facebook sayo [saya], dan juga

pages [laman] masjid Muhammadi *sayo admin jugok* [saya pengurus juga] .
Sayo try tengok gapo namo ado ore, ore tegurey ko gapo [saya cuba tengok samada ada orang tegur atau apa-apa]. *Pastu kalu suke-suke tok main lah mano, dok main bola ko gapo, tokdey nok main bola* [Selepas itu kalau sukan-sukan tidak main, tidak main bola atau apa-apa, tidak sempat untuk bermain bola].
Tengok *TV* [televisyen] pun *tokdey* [tidak sempat], *TV tokdey TV* [televisyen tidak sempat]. Itulah *lebih kure maso lapey kito* [lebih kurang masa lapang kita].

MI : Dimanakah Imam dan keluarga menetap?

UR : Di *kapung* [kampung] Paluh Palekbang, Jajahan Tumpat.

MI : Mengapa Imam memilih lokasi itu untuk menetap?

UR : Saya memilih lokasi Paluh, *kapung sayo* [kampung saya], Paluh *Palekbe* [Palekbang], itu adalah kampung ibu *sayo* [saya]. Dan saya dibesarkan disitu. Dan saya *ore* [orang] panggil *sayo ore kapung tu doh* [saya orang kampung itu asalnya]. Jadi seandainya *sayo* [saya] pilih *kapung* [kampung] lain untuk saya tinggal, *deh* [kan], *nok wak rumoh ko gapo* [mahu buat rumah ke apa], *sayo* [saya] duduk *kapung-kapung* [kampung] yang asing bagi *sayo* [saya]. Oleh kerana *sayo* [saya] jadi *tok ime* [tok imam] *sayo* [saya] sibuk *tubik* [keluar] pagi balik *petey* [petang], *sayo tidok* [saya tidak] sempat *nok-nok* [hendak] *ore* [orang] panggil *nok* [hendak] bersilaturahim *ore kapung sayo* [orang kampung saya]. Jadi *sayo ake* [saya akan] jadi kehilangan masyarakat, *kalu sayo* [kalau saya] duduk *kapung* [kampung] lain kehilangan masyarakat. Tapi *sayo* [saya] duduk *kapung sayo* [kampung saya] sendiri, masyarakat *sayo tu sayo* [saya itu]

kenal sejak *budok* [budak] lagi. Jadi *sayo tidok* [saya tidak] kehilangan masyarakat. Tetapi *sayo* [saya] memiliki masyarakat *cumo jarey-jarey sayo* [cuma jarang-jarang saya] menziarahi. *Kalu tidok, sayo tidok* [kalau tidak, saya tidak] menziarahi mereka, tapi *takpo [tidak mengapa]* mereka sudah mengenali. *Kito jupo dengey keto* [Kita jumpa dengan kereta] pun, *pekkk* [hon] (gayakan bunyi) angkat tangan *ore dah* [orang sudah] -- *ore pek gitu jah* [orang hon macam itu sahaja]. Tetapi saya memilih kampung lain, *ore* [orang] panggil *sayo* [saya], *kito nok pekk pun ore tok kenal kito [kita mahu hon pun orang tidak kenal kita]*. *Dok* [Kan] ? Pasal *kito gi* [kita pergi] duduk *kapung* [kampung] lain. *Kapung kito dio takpo* [Kampung kito dia duduk tidak mengapa].- Itulah, *sebak tu sayo* [sebab itu saya] pilih duduk di *kapung sayo* [kampung saya].

BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN

SA : Dimanakah Iman bersekolah rendah

UR : Saya bersekolah rendah di Sekolah Kebangsaan Padang Pohon Tanjung, Pasir Pekan Kelantan, Jajahan Tumpat. Itu sekolah rendah saya. Satu hingga enam.

SA : Pada tahun berapakah Iman bersekolah rendah?

UR : *Sayo* [saya] bersekolah rendah pada tahun *satu sembilan belas tujuh puluh tujuh* [1977]. *Habis sembilan belas lapan puluh dua* [1982].

SA : Dimanakah Iman bersekolah menengah?

UR : Sekolah menengah *sayo* [saya] tiga, ada tiga buah sekolah. Dari tingkatan satu hingga tingkatan lima, Sekolah Menengah Kebangsaan Kampung Laut,

Palekbang Jajahan Tumpat. *Sayo* [saya] bersekolah disitu sehingga SPM. Selepas keputusan SPM *sayo* [saya] menyambung pengajian *sayo* [saya] di Sekolah Menengah Kebangsaan Tumpat. Tingkatan enam rendah. Tapi oleh kerana jarak rumah *sayo* [saya] ke SMK [Sekolah Menengah Kebangsaan], SMT [Sekolah Menengah Teknik] tu jauh, *sayo* [saya] tukar *ko* [ke] Sekolah Menengah Kebangsaan Mahmud Mahyiduin, Pasir Pekan. Ambik STPM situ [Ambil Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia disitu]. Ketiga-tiga sekolah itu bukan sekolah arab, sekolah menengah kebangsaan biasa. Okey?

SA : Seterusnya, pada tahun berapakah Imam bersekolah menengah?

UR : Sekolah menengah? Sembilan belas lapan puluh tiga [1983], sehingga Sembilan belas lapan puluh sembilan [1989].

SA : Selepas tamat bersekolah, dimana Imam melanjutkan pelajaran?

UR : Saya melanjutkan pelajaran saya diperingkat selepas STPM *sayo* [saya] belajar di Al-Madrasah Addiniyah Al-Bakriyah, ataupun nama rasminya Pondok Pasir Tumbuh, belajar pondok. Tahun *sembilan belas sembilan puluh* [1990]. Dan saya memasuki Al-Makhad dullalih liddirosah tiislamiah wa arabiah, Pagan Serai, pada tahun dua ribu [2000]. Kemudian *sayo* [saya] melanjutkan pengajian *sayo* [saya] ke univerisiti al-azhar. Cawangan Damanhur, cawange [cawangan], Mesir la. Berada di bandar Damanhur. Bukan belajar di Kaerah, tapi belajar di Damanhur. Belajar *samo jah* [sama sahaja], sijil *tubik* [keluar] di Kaerah, *sayo* [saya] belajar di Damanhur. Semasa saya belajar di Mesirlah saya berkahwin

dengan isteri *sayo* [saya], *dio* [dia] jugok mahasiswi Universiti Al-Azhar Cawangan Iskandariah. Okey? Dan saya pernah mendaftar untuk membuat - membuat Master, di OUM [Open University Malaysia], universiti terbuka Malaysia. Tapi tidak sempat belajar, tidak sempat habis belajar.

BAHAGIAN 3: PENGALAMAN KERJAYA

MI : Sebelum menjadi Imam, kerjaya apakah yang Imam ceburi?

UR : Sekembalinya saya dari Mesir, saya bertugas sebagai guru yayasan Islam Kelantan. Mengajar secara sementara. Pertama sekolah yang *sayo* [saya] mengajar adalah di sekolah -, Sekolah Menengah Ugama Al-Arabiah Ternan Tanah Merah. Sekolah kedua saya mengajar di Sekolah Menengah Ugama Arab Ugama Al-Ansariah Kemahang, Tanah Merah *jugok* [juga]. Yang ketiga, saya mengajar sementara di Sekolah Menengah Ugama Mustanul Saadah Morak, Jajahan Tumpat. Kemudian saya pernah mengajar di Sekolah Menengah Agama Sulamiah, Sekolah Menengah Arab Silamiah, Bunut Payung, dan sekolah yang terakhir saya mengajar di Madrasah Tarbiah Diniyah, sekolah menengah ugama, di Bunut Sarang Burung, Jajahan Tumpat. *Tu* [itu] kerjaya saya sebagai guru 'Yik'. Kemudian saya bertukar profession, saya menjadi satu jawatan, memegang jawatan pegawai penyelaras masjid jajahan. Dan berpejabat di pejabat tanah dan Jajahan Tumpat. Saya bertugas disana tiga tahun dua ribu enam [2006] sehingga dua ribu sembilan [2009]. Dua ribu sembilan [2009] saya tukar kerjaya dari pegawai penyelaras masjid jajahan kepada imam tua masjid Ismaili Bandar Tumpat. *And then* [Dan seterusnya], pada tahun dua ribu sebelas [2011] saya ditukarkan ke Masjid Muhammadi Kota Bharu sehingga pada hari

ini, 2019. Masuk tahun *berapo doh [berapa dah]* ? Sembilan tahun? Dua ribu satu [2001] tahun pertama, tahun kesembilan [ke-9] berada di masjid Muhammadi. Okey?

MI : Apakah jawatan Imam dalam masjid ini?

UR : Jawatan saya di dalam masjid ini, yang pertama jawatan rasmi saya Imam Tua, Masjid Muhammadi, Imam Tua. Iaitu yang mengetuai organisasi pentadbiran masjid. Dan saya dalam jawatankuasa saya memegang jawatan setiausaha. Setiausaha jawatankuasa Masjid Muhammadi Kota Bharu. Yang tu di masjid. Dua *tu* [itulah] lah. Memadai lah.

IM : Apakah skop tugas Imam secara terperinci?

UR : Tugas saya sebagai imam tua ialah *ore* [orang] panggil -, *sayo* [saya] mengetuai organisasi pentadbiran dan pengurusan masjid ini. Surat menyurat yang keluar *tu namo sayo* [itu nama saya]. *Kalu ore lain tu ketika sayo takdok, baru ore lain buat tubik surat* [Kalau orang lain itu ketika saya tiada, baru orang lain buat keluar surat]. Ketika *sayo takdok* [saya tiada], ataupun kade-kade [kadang-kadang] saya suruh Imam muda buat surat baru *guno namo dio* [guna nama dia]. Biasanya urusan rasmi masjid, biasanya surat *tu namo sayo belako* [nama saya semua]. Sebab imam Tua ni *ore* [orang] panggil yang mengetuai jabatan masjid ini. Dan tugas saya, selain daripada, tugas utama adalah pejabat. Imam Tua tugas utama adalah mengetuai pejabat. Pejabat kami dibuka jam lapan [8] pagi hingga jam *lima petey* [5 petang], setiap hari, hari bekerja *kito buko* [kita buka] setiap hari. Saya *pastu sayo jugo* [selepas itu saya juga]

mengimami solat, *ado maso-maso* [ada masa-masa] yang telah ditetapkan saya mengimami solat lima waktu, dan jugak *sayo* [saya] kutbah jumaat, serta - mengetuai solat jumaat. Jadi *tok ime* [tok imam] solat Jumaat. Dan *sayo jugok* [saya juga] sebagai juru nikah. Dia panggil penolong pendaftar nikah. Saya juga bertugas sebagai amil zakat dan masjid Muhammadi sebagai mini pungutan zakat. Mini pungut, tempat terima zakat untuk Kota Bharu ni. Dan sayalah sebagai setiausaha saya lah yang menyeluarkan minit mesyuarat yang mencatat minit mesyuarat jawatankuasa masjid Muhamamdi Kota Bharu yang diketuai oleh yang berhormat Sohehbi Fadhilah Datuk Timbalan Muftui Negeri.

MI : Seterusnya, pada tahun berapakah Iman memegang jawatan ini?

UR : Saya untuk Muhammadi? Muhammadi saya automatik menjadi setiausaha apabila saya memegang jawatan *ime tuo* [Imam Tua] saya automatik menjadi setiausaha masjid mulai tahun dua ribu sebelas [2011] bulan satu [1] haribulan Ogos dua ribu sebelas [2011]. Satu-satunya masjid di dalam negeri kelantan yang mana imam tua sebagai setiausaha. *Takdok* [tiada] masjid lain, masjid Muhammadi *sahajo* [sahaja]. Dan Imam *tuo* [tua] satu-satunya masjid di negeri Kelantan setiausaha ataupun imam *tuo* [tua] yang - *namo cek gapo semuo sekali tu atas namo* [nama cek apa semua sekali itu atas nama]. Biasa bendahari, masjid lain bendahari,tapi masjid ini atas *namo* [nama] setiausaha. Itu *sajo* [sahaja] dalam bidang tugas.

MI : Berapa lama Imam telah berkhidmat di masjid ini?

UR : *Sayo* [Saya] berkhidmat dengan masjid ini *samo* [sama] dengan mula-mula jadi Imam Tua, dua ribu sebelas [2011]. dua ribu sebelas [2011] bulan Ogos sehingga harini tahun kesembile [ke-9] lah. Lapan taun [tahun].

MI : **Mengapa Imam memegang jawatan ini?**

UR : Mengapa memegang jawatan *ni* [ini] ? - *Payoh jugok soale tu* [Susah juga soalan itu]. Bagaimana? *Sayo* [saya] isi *bore* [borang] melalui - *bore* [borang] yang keluar permohonan kerja *kea* [kan] , di MAIK [Majlis Agama Islam Kelantan]. Seterusnya di panggil temuduga, bila *temudugo* [temuduga] dapat, jadi mula-mula saya jadi *dale perkhidmate ni* [dalam perkhidmatan ini] dia panggil, Perkhidmatan Imam Lepas Ijazah. Pertama kali MAIK [Majlis Agama Islam Kelantan] buat *start* [mula] *dari dua ribu sembilan* [2009] jadi saya ditugaskan di Masjid Ismail di Bandar Tumpat, kemudian ditukar kesini. Ditukar kesini. Kerana majlis agama yang menukar saya kesini jadilah imam tua Masjid Muhammadi. *Sini kito takdok ngundi ko gapo dok ni, dio* MAIK [Majlis Agama Islam Kelantan], *kito penjawat awam* [Disini kita tiada mengundi apa semua disini tiada, kita penjawat awam]. *sayo* [saya] penjawat awam biasa. Dipanggil pegawai hal ehwal islam, di MAIK [Majlis Agama Islam Kelantan], maka *MAIK* [Majlis Agama Islam Kelantan] bebas la *dia nok jadikea ime ko* [dia mahu letak jadi imankah], *nok letok* [mahu letak] dimajlis *ko tu* [ke itu] atas *MAIK* la. *Kito majikea* [kita majikan] kito adalah *MAIK* [Majlis Agama Islam Kelantan], Majlis Agama Islam Kelantan.

MI : Siapakah Imam selalu rujuk untuk melakukan tugas?

UR : Saya sentiasa merujuk kepada pengerusi masjid, iaitu yang berhormat Sohehbul Fadhilah Datuk Timbalan Mufti. Dia pengerusi. Apa-apa keputusan mestilah keputusan pengerusi. Ataupun kepada timbalan pengerusi iaitu imam besar Majlis Agama Islam dan adat istiadat melayu kelantan. Juga kadang-kadang kita mendapat nasihat, kita dapatkan nasihat pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dalam tugas *sayo* [saya] sebagai penjawat awam di *MAIK* [Majlis Agama Islam Kelantan], seperti timbalan yang dipertua, majlis agama islam, setiausaha, majlis agama islam, ketua pegawai agama, *ore* [orang], - yang atas *pado kito* [atas pada kita]. Dan *jugok* [juga] saya sering berbincang dengan kawan-kawan, imam muda, imam-imam *mudo kito* [muda kit] sini, dan staff-staff *kito* [kita], tok bilal ataupun kerani-kerani yang merupakan *ore* [orang] panggil tempat untuk *kito* [kita] berbincang. *Tidok semestinyo kito* [Tidak semestinya kita] disini, *kito ado* [kita ada] mesyuarat mingguan *kakitange* [kakitangan] masjid, untuk *kito [kita]* berbincang *apo-apo* [apa-apa]. Dan setiap hari *kito ado briefing* [kita ada penerangan], *briefing* [penerangan] kepada staf sukarelawan di masjid. *Kito ado* [kita ada] staf sukarelawan yang mana pekerja yang dibayar gaji oleh alau oleh majlis agama jadi inilah yang *kito [kita]* sentiasa bice [bincang] dengan *kakitange* [kakitangan], *samaado kakitange* [samada kakitangan] tetap atau *kakitange* [kakitangan] yang tidak tetap.

MI : Selain menjadi imam sekarang, ustaz ada membuat sesuatu pekerjaan yang lain?

UR : Kerja lain *takdok* [tiada] tu, jadi *tok ime so karo jo* [jadi tok imam sahaja]. *Ado jugok ore mintok* [ada juga orang minta] jual buah Tamar (ketawa), tapi tidak rasmi lah. Tugas hakikinya jadi *tok ime* [tok imam] la, pagi mari *punch kad* [kad punch] sini, *pastu* [selepas itu] balik apa ni pukul *limo* [lima] , *pahtu jupo keluarga gitu jela* [selepas itu jumpa keluarga macam itu sahaja lah]. *Nok niaho-niago tok dea* [Hendak niaga-niaga tidak sempat].

BAHAGIAN 4: SEJARAH BANGUNAN

SA : Apakah nama awal masjid ini?

UR : Masjid Muhammadi Kota Bharu dibina pada tahun *enam belas lapan puluh tujuh* [1687] bangunan kayu. Megikut apa yang kita dapat maklumat, berlaku banjir besar pada tahun *lapan belas empat puluh tujuh* [1847]. Masa iaitu semasa pemerintahan Sultan Muhammad Ke-2. Masjid *lamo ado* [lama ada] satu masjid tu, di sungai buluh tu rutuh [runtuh] . Jadi satu *tapok* [tapak] baru dicari iaitu di bandar Kota Bharu dekat di Pusat Pentadbiran. Dulu disini ialah pusat pentadbiran. *Ado* [ada] istana, *ado* [ada] istana *deh* [kan], *ado* [ada], sini ni pusat pentadbiran. Tanah ni dikenal pasti untuk didirikan masjid yang baru. Maka tahun *lapan belas empat puluh tujuh* [1847] dibina masjid kayu. Masjid tu dipanggil masjid kayu dan juga *ado* [ada] yang panggil Masjid Besar Kota Bharu. Iaitu masjid ini dibina pada semasa *lepas boh* [lepas banjir] lah. *lepas boh* [lepas banjir] besar tu. Kemudian *ado* [ada] jugok pendapat *mengatakea* [mengatakan] , *kalu kito kato* [kalau kita kata] kalau *lapan belas empat puluh tujuh* [1847], maknanya masjid ini dibina semasa pemerintahan Sultan Muhammad II, yang memerintah pada tahun 1838 sehingga 1886. *Ado* [ada]

yang *mengatakea* [mengatakan] lebih awal lagi. *Ho tu mache-mache la pendapat dok* [Itu macam-macam pendapat]. Kemudian setelah ditubuhkan majlis agama islam dan adat istiadat melayu kelantan, pada tahun *berapa* [berapa] ? *sembilan belas sebelas* [1911]? Ketika ditubuhkan Majlis Agama Islam Kelantan, maka diantara projek majlis agam islam ialah buat masjid baru. Buat masjid baru daripada batu. Sebab masjid *kito masotunyo* [kita masa itu nya] semua masjid di *Kelatey* [Kelantan] diperbuat daripada kayu. Buat projek di pertama pada tahun *sembilan belas dua puluh dua* [1922]. Buat masjid kayu, batu ni. Memakan masa begitu *lamo* [lama] ah, sehingga siapnya ialah pada tahun *sembilan belas tiga puluh satu* [1931], tahun tiga puluh. Daripada tahun dua puluh dua , sehingga tahun tiga puluh satu, siap, masjid baru masjid batu ni. Pada *tiga puluh satu* [31] Julai hari Jumaat, *tiga puluh satu* [31] Julai *sembilan belas tiga puluh satu* [1931], diishtiharkan nama baru masjid ni dengan nama Masjid Muhammadi Kota Bharu. Megambil sempena nama Sultan Muhammad yang ke-IV , Sultan Muhammad ke-III, ke-II, ke-I *dok* [kan] ?. Yang mana pengistiharan ini dibuat oleh kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail, bukan Ismail Petra, Sultan Ismail yang memerintah ketika itu. Mengambil sempena nama ayahda baginda, ninda-ninda baginda. Okey? Itulah sejarah. Masjid batu ni masjid pertama yang diperbuat daripada simen. Di kelantan adalah yang pertama.

SA : Bagaimanakah masjid ini telah terbina?

UR : Masjid ini dibina, Masjid Muhammadi *hok baru ni dok* [yang baru ini kan] ?
Dibina setelah ditubuhkan majlis agama islam. Masjid lama *tapok seberea*

bangune-bangune kito ni belakey tu (menunjuk) [tapak seberang bangunan-bangunan kita ini belakang itu], *hok* [yang] masjid kayu tu, *hok* [yang] tu dibuat sebelum daripada majlis agama *nyo* [nya] lagi. *Ore* [orang] pakat *bino* [bina] disini ni sebelum *adonyo* [adanya] Majlis Agama Islam Kelantan. Tapi *adonyo* [adanya] bangunan ini setelah *adonyo* [adanya] Majlis Agama Islam Kelantan, *nok* [hendak] buat *hok* [yang] baru, daripada batu. Jadi *goh* [kukuh] sikit *dok* [kan], negeri *kito* [kita] ni. Maka terbinalah Masjid Muhammadi seperti yang ada pada harini.

SA : Berapa ramaikah anggran yang terlibat dalam menyiapkan masjid ini?

